



# DULI YANG MAHA MULIA

## MENUNAIKAN FARDHU HAJI SA-KALI LAGI

**BERAKAS.** — Beribu2 orang telah membanjiri Lapangan Terbang Berakas pada petang hari Jumaat 4 May, 1962 untuk mengucapkan selamat berangkat ka-Mekah kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin.

Ini-lah kali yang ke-dua Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-Mekah dan pada kali ini Baginda telah berangkat ka-Jeddah dengan menaiki kapal terbang.

Kali yang pertama Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-Tanah Suchi ia-lah dalam tahun 1951, ia-itu tidak berapa lama sa-lepas Kepuspaan Baginda. Akan tetapi pada kali itu Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-Jeddah dengan menaiki kapal laut.

Duli Yang Maha Mulia telah di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed bin Pengiran Piut; Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Amin bin Pengiran Haji Mohamed serta isteri; Yang Mulia Pengiran Haji Buntar; Yang Mulia Pengiran Mohamed Hassan bin Pengiran Munggu; Yang Mulia Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Othman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Setia Haji Mohamed Taha; Yang Berhormat Pehin Maharaja Diraja Awang Abdul Rahman; Yang Di-Muliakan Pehin Seri Wangsa Hj. Mohd.; Yang Di-Muliakan

Pehin Bendahari Mohamed Taha bin Bakir; dan Yang Mulia Dato Raja Haji Omar bin Chik.

Di-antara ramai orang yang datang ka-Lapangan Terbang Berakas untuk mengucapkan selamat berangkat ka-Tanah Suchi kepada Duli Yang Maha Mulia ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar; Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei Dato Setia Marsal; Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Ioggeris di-Brunei Sir Dennis White; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam; Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Y.B. Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf; Ahli2 Majlis Meshuarat Diraja, Kerajaan dan Negeri Brunei; Kerabat2 Diraja Brunei dan lain2-nya.

Sa-belum Baginda menaiki kapal terbang, Mufti Brunei Yang Mulia Tuan Al-Haji Ismail telah membacha do'a selamat dan Mudim Haji Yusof telah menyuarakan Azan sa-baik sahaja Duli Yang Maha Mulia dan rombongan menaiki tangga kapal terbang tersebut.

Kapal terbang itu telah meninggalkan Brunei pada pukul 4.15 petang menuju ka-Kuching dalam perjalanan ka-Singapura.

Duli Yang Maha Mulia dengan di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan beberapa orang Kerabat Diraja telah menziarahi ka-Makam2 Diraja dua hari sa-belum Baginda berangkat ka-Mekah.

Sementara itu menurut satu kawat yang kita terima dari Jeddah, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin dan rombongan telah selamat tiba di-Jeddah dengan kapal terbang dan dari sana Baginda dan rombongan telah berangkat ka-Tanah Suchi untuk menunaikan fardhu Haji.

## Jema'ah Pemangku Raja

**BANDAR BRUNEI.** — Sa-buah Jema'ah Pemangku Raja telah di-bentok baharu2 ini pada masa Maulana Al-Sultan menunaikan fardhu Haji.

Jema'ah Pemangku Raja tersebut ada-lah mengandungi:

Duli Yang Maha Mulia Seri Baginda Raja Isteri.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Haji Mohamed Alam.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh.

Majlis Pemangku Raja tersebut ada-lah di-pengerusikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.



DULI YANG MAHA MULIA Maulana Al-Sultan telah berangkat ka-Mekah dan telah tiba di-sana dengan selamat. Gambar di-s sebelah kiri menunjukkan Duli Yang Maha Mulia mengucapkan "Selamat Tinggal". Gambar di-s sebelah kanan pula ia-lah satu pemandangan di-lapangan terbang Berakas sa-belum Duli Yang Maha Mulia meninggalkan Brunei.

BULAN BAHASA DI-BRUNEI:

# DI-LANCHARKAN SA-CHARA BESAR2AN

## MULAI 2 JULY 1962

**BANDAR BRUNEI** — BULAN BAHASA sa-bagai gerakan kedua dalam langkah Kerajaan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu kepada penduduk2 negeri ini yang akan di-lancharkan dalam bulan July hadapan ini di-bahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama di-lancharkan tertumpu kepada da'erah2 dan peringkat kedua di-lancharkan bagi negeri atau kebangsaan.

\* Peringkat Pertama — akan diadakan dari 2 hingga 8 July;

\* Peringkat Kedua — akan diadakan dari 23 hingga 29 July.

Masa di-antara peringkat pertama dan kedua (dari 9 hingga 22 July) itu akan di-adakan juga gerakan2 keseluruhan-nya bagi mengukir dan memastikan keadaan2 pelancharan mengenai Bulan Bahasa di-da'erah2.

Dalam jangka itu juga, penggunaan bahasa Melayu akan berjalan terus dan akan di-perhebat dengan mengadakan kempen. Peraduan2 nyanyi, bahath, sharahan dan sandiwara tidak akan di-adakan pada masa itu.

Perkara2 tersebut telah diper-setujui dalam Meshuarat Jawatan Kuasa Pusat Bulan Bahasa yang berlangsung di-dewan Sekolah Melayu Raja isteri Fatimah Bandar Brunei pada 26 April yang lalu, di-pengerusikan oleh Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Omar.

Lain2 keputusan yang di-ambil dalam meshuarat itu ia-lah:

Mengadakan lagu Bulan Bahasa yang baharu, yang akan di-perdengarkan sa-belum dan dalam Bulan Bahasa di-lancharkan dengan melalui siaran Radio dan lain2.

Meminta pehak yang berkuasa Jabatan Pos, mengadakan chop khas yang mengandongi kata2 menggalakkan bahasa Melayu dan di-chapkan pada tiap2 sampul surat dan kiriman am-nya sa-lama Bulan Bahasa di-lancharkan.

Meminta kepada akhbar2 tempatan supaya menyiarkan chogan2 kata yang menggalakkan penggunaan bahasa Melayu.

Menggalakkan semua Jabatan2

Kerajaan, sharikat2 perniagaan dan pertubohan2 supaya menggunakan bahasa Melayu dengan sa-luas2-nya.

Meminta pehak yang berkenaan supaya tanda2 jalan raya, papan2 Kenyataan jalan raya dan papan2 nama pejabat atau jabatan, gudang2 perniagaan dan kedai2, di-tulis dalam bahasa Melayu.

Menchetak tanda kenangan yang akan di-bahagikan menerusi sekolah2, pertubohan2 dan tempat2 hiburan sa-umpama panggong wayang dan lain2.

Mengadakan poster2, kain2 chogan kata dan sa-bagai-nya, untok di-rentang dan di-lekatkan di-mana2 yang perlu. Poster2 kecil akan di-tampilkan di-kerita.

Mendirikan batu peringatan di-Bandar Brunei dan Kuala Belait yang bertulis: "GUNAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN — BAHASA MELAYU".

Meminta pehak Jabatan Radio Brunei membuat pengumuman ringkas untok menggalakkan penggunaan bahasa Melayu bagi siaran2-nya.

Mengadakan "pamiran atau pesta buku2" pada peringkat kedua Bulan Bahasa.

Meminta kepada pertubohan2 supaya menyertai Bulan Bahasa.

Mengadakan Istiadat Pembukaan Bulan Bahasa peringkat pertama dan kedua dengan mengadakan ikrar bagi mengakui bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi di-negeri ini.

Mengadakan sandiwara khas sambutan Bulan Bahasa yang dapat di-dengar dan di-pertunjukkan dalam Bulan Bahasa peringkat kedua.

Mengechap risalah yang mengandongi tiga bahasa (Melayu, Inggeris dan China) yang me-

ngandongi penerangan dan tujuan2 Bulan Bahasa di-adakan. Risalah2 ini akan di-bahagikan dengan perchuma.

Menjemput tokoh2 bahasa dalam dan luar negeri memberi cheramah atau sharahan berbubong dengan perkembangan bahasa.

Mengadakan peraduan2 sharahan, berbalas pantun, sha'er, nyanyi, sajak, karangan dan bahath untok pelajar2 sekolah rendah dan menengah mula2 peringkat da'erah bagi Bulan Bahasa peringkat pertama dan peringkat kebangsaan bagi Bulan Bahasa peringkat kedua.

Mengadakan peraduan melukis poster bagi menggalakkan penggunaan bahasa Melayu kepada semua peringkat dan poster2 itu akan di-pamirkan kepada orang ramai dalam Bulan Bahasa peringkat kedua.

Beberapa orang telah di-lantek untok menyelenggarakan bahagian2 tertentu dalam melaksanakan Bulan Bahasa itu.

Mereka itu ia-lah:

Pengerusi Lagu Bulan Bahasa — Inche' Awang Besar bin Sagap dan Inche' Md. Som bin Hashim; Pengerusi Kempen dan Penerangan — Y.B. Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusof, Inche' Md. Salleh bin Abdul Kadir dan Inche' Ahmad bin Haji Abdul Aziz. Pengerusi Pamiran Buku — Inche' Md. Husain bin Md. Yusof;

Pengerusi Upachara Pembukaan — Y.B. Inche' Shabbuddin bin Saleh dan Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid; Pengerusi Sandiwara — Inche' Wahab bin Muhammad dan Inche' Zulkifli bin Haji Abdullah.

Pengerusi Menjemput Tokoh2 Bahasa — Inche' Noordin bin Abd. Latif; Pengerusi Peraduan2 — Inche' Md. Yusof bin Tahir dan Inche' Md. Husain bin Zainal; Pengerusi Peraduan Melukis Poster — Inche' Md. Husain bin Md. Yusof; Pengerusi Menyusun Buku Rancangan — Inche' Sabtu bin Muhammad dan Inche' M. Ali Tamin dan Pengerusi Istilah — Inche' Jaya bin Abd. Latif dan Inche' Hamdani bin Abd. Rahman.

Meshuarat itu juga mengambil keputusan supaya pengerusi tiap2 bahagian akan melantek beberapa orang lagi sa-bagai penolong-nya untok menjadikan jawatan kuasa kecil melaksanakan tugas tiap2 bahagian itu.

Satu Jawatan Kuasa Da'erah akan di-tubuhkan untok menyelenggarakan Bulan Bahasa peringkat pertama yang di-tumpukan pada tiap2 da'erah itu yang akan bertanggung jawab bagi da'erah-nya masing2. Jawatan Kuasa Da'erah itu akan di-pengerusikan oleh Pegawai Da'erah masing2; Setia Usaha dan ahli-nya terulang-lah kepada da'erah itu untok memileh-nya.

## MENGHADHIRI SEMINAR BELIA DI-MALAYA

**BERAKAS.** — Wakil2 persatuan2 belia di-Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 20 April yang lalu untok menghadiri Seminar Belia di-Kuala Lumpur telah balek ka-Brunei pada 4 May.

Pemuda2 itu ia-lah Inche Zulkiflie bin Haji Abdullah (ketua rombongan), Inche Mohamed Ali

bin Mohamed Yusof, Inche Mohamed Shah bin Imam Ahmad, Inche Mohamed Yusof bin Omar, Inche Matamit bin Iradat dan Inche Mohamed Noor bin Awang Besar.

Sa-lain tñari menghadiri seminar tersebut mereka juga telah melawat ka-beberapa tempat di-Persekutuan Tanah Melayu.



Inche Zulkiflie bin Haji Abdullah dari Brunei kelihatan dalam gambar ini memberi ucapan bagi pehak belia2 dari Brunei, Sarawak dan Borneo Utara di-satu majlis jamuan yang di-adakan di-Pulau Pinang untok merayakan para perwakilan dari persekutuan2 belia yang menghadiri seminar belia di-Kuala Lumpur dalam bulan April yang lalu. Berdiri di-sebalah Inche Zulkiflie ia-lah Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Dato Wong Fow Nee.

## PEGAWAJ2 BARU PERSEKUTUAN GURU2 MELAYU BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.** — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah memileh Yang Berhormat Inche Shabbuddin bin Mohamed Saleh menjadi Yang Dipertua baharu dan Inche Mohamed Yusof bin Tahir di-pileh menjadi Naib Yang Di-pertua persekutuan tersebut.

Pemilehan itu telah di-adakan dalam Meshuarat Agong P.G.G. M.B. di-Bandar Brunei baharu2 ini.

Inche Umar bin Muhammad telah di-pileh sa-mula menjadi Setia Usaha Agong dan Inche Mohamed Daud bin Serudin juga di-pileh sa-mula menjadi Penyim-

pan Wang.

Bekas Yang Dipertua P.G.G. M.B. Yang Berhormat Inche Othman bin Bidin telah di-pileh menjadi Pengerusi Tetap persekutuan tersebut.

Sa-ramai 39 orang telah di-pileh menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa baharu persekutuan itu.

# Kesatuan Buroh Kerajaan — Nama Rengkas K.B.K. — Di-Tubuhkan

**BANDAR BRUNEI.** — Lebih 100 orang yang mewakili bahagian2 kaum buroh Kerajaan telah mengadakan suatu mesnuarat di-bekas Pejabat Barisan Buroh Bersatu Brunei, Jalan Robert di-sini kerana menubuhkan sa-buah kesatuan mereka pada 4 May yang lalu.

Kesatuan yang baharu di-tubuhkan itu ia-lah Kesatuan Buroh Kerajaan yang ahli2-nya daripada buroh2 yang berkhidmat pada Kerajaan sahaja.

Mesnuarat itu telah di-pengerusikan oleh Inche' A. Hafidz Laksamana.

Garis besar-nya tujuan Kesatuan Buroh Kerajaan itu ia-lah untuk memperjuangkan nasib kaum buroh dan menuntut hak2 yang mejadi dasar kehidupan manusia.

Antara lain tujuan KBK itu ia-lah :

- ◆ Menyatukan pekerja2 yang berkhidmat di-Jabatan2 Kerajaan Negeri Brunei dalam apa jua perjaan sama ada buroh kasar, kerani, ahli2 teknik atau pentadbiran. Dan memajukan fa'edah perusahaan2, sosial dan intelek ahli2-nya;

- ◆ Hendak memperjuangkan dan mendapatkan bayaran gaji ahli2-nya yang adil dan berpatutan, masa bekerja dan keadaan pekerjaan yang berpatutan. Dan memberi nasehat dan bantuan menurut syarat yang terkandung

dalam perlembagaan (Kesatuan); dan

- ◆ Hendak mengimbangkan perhubungan antara majikan dan pekerja, antara ahli dengan ahli yang lain, dan antara ahli dengan pekerja2 yang lain dan berusaha memperbaiki perselisihan antara mereka dengan chara persahabatan dan permufakatan yang damai.

Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi KBK yang telah di-pilih dalam mesnuarat tersebut ialah :

Yang Di-Pertua — Inche' Jassin Affandy; Timbalan Yang Di-Pertua — Inche' Momin Ahmad; Setia Usaha Agong — Inche'

Hafidz Laksamana; Timbalan Setia Usaha Agong — Inche' Sulaiman Puteh; Bendahari Agong — Inche' Ahmad M. Bakar; Timbalan Bendahari Agong — Inche' Othman Sunggoh; Setia Usaha Penerangan — Inche' Shamsuddin Hashim; Setia Usaha Organisasi — Inche' Ladis Puasa dan Setia Usaha Kebajikan — Inche' A. Rahman M. Bakar.

Empat orang telah di-pilih menjadi Pembantu Umum kesatuan tersebut.

## MENGHADHIRI PERSIDANGAN PESUROH2 JAYA PULIS

**BERAKAS.** — Inche David St. J. Forrer, Pemangku Pesuroh Jaya Pulis, Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Kuala Lumpur pada 6 May untuk menghadiri Persidangan Pesuroh2 Jaya Pulis dari Brunei, Sarawak, Borneo Utara, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

Di-antara yang datang ka-bangunan lapangan terbang Berakas untuk menguchapkan "selamat berangkat ka-Kuala Lumpur" kepada Inche Forrer ia-lah O.C.P.D. Brunei, Superintendent Pulis Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

## GURU2 UGAMA YANG BAHARU DARI MALAYA

**BANDAR BRUNEI.** — Enam orang guru ugama dari Persekutuan Tanah Melayu telah tiba di-Brunei dengan kapal laut pada hari Rabu yang lalu untuk berkhidmat di-negeri ini.

Guru2 ugama tersebut ia-lah Inche Shuib bin Imam Yassin, Inche Ithnin bin Ibrahim, Inche Jemaludin bin Ismail, Inche Mohamed Nassir bin Haji Abdul Rahman, Inche Ali bin Hussain dan Inche Abdul Karim bin Dermawi.

Inche Shuib sekarang ini mengajar di-Sekolah Ugama Kilanas, Inche Ithnin mengajar di-Sekolah Ugama Bengkurong, Inche Jemaluddin mengajar bachean al-koran di-Daerah Tutong, Inche Mohammed Nassir mengajar di-Daerah Belait, Inche Ali mengajar di-Sekolah Ugama Berakas dan Inche Abdul Karim mengajar sementara di-Sekolah Ugama Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei.

Sementara itu Engku Abdul Kadir bin Awang telah tiba dari Persekutuan Tanah Melayu pada 2 May dan pada masa ini mengajar bachean al-koran di-Sekolah Ugama Sultan Muhammad Jemalul Alam, Sekolah Ugama Lela Menchanai dan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Lima orang lagi guru2 ugama dari Persekutuan Tanah Melayu yang telah di-pilih oleh Kerajaan Brunei untuk berkhidmat di-negeri ini akan tiba di-Brunei sebelum penghujung bulan ini.

## PERMOHONAN MENEBAS HUTAN

**BANDAR BRUNEI.** — Semua penduduk Negeri Brunei yang chadang hendak menebas hutan untuk menanam padi tugal pada tahun 1962 — 1963 hendaklah membuat permohonan kepada Pegawai Daerah melalui Penghulu2 atau Ketua2 Kampong mereka.

Dalam permohonan itu hendaklah di-nyatakan luas kawasan dan tempat yang di-minta untuk tebasan.

Di-ingatkan kepada pemohon2, bahawa permohonan kerana menebas hutan yang berumur lebih dari 10 tahun tidak-lah akan di-luluskan.

Demikian menurut siaran yang di-keluarkan oleh Pegawai Kehutanan Negara Brunei berhubung dengan perkara menebas hutan.

Siaran itu menyebutkan lagi bahawa sesiapa pun tidak dibenarkan menebas sa-barang hutan dengan tidak ada kebenaran menebas dari Pegawai2 Daerah atau Pegawai Kehutanan Negara.

Tindakan akan di-ambil di-bawah kuat kuasa Undang2 Hutan sa-kira-nya di-dapati sesiapa pun menebas hutan dengan tidak ada kebenaran dari pehak tersebut.

## BERLATEH DI-MALAYA



Enam orang anggota dari Jabatan Pertanian, Brunei telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang baharu2 ini untuk berlateh dalam berbagai perkara mengenai pertanian. Mereka ia-lah Inche Kasim bin Ahmad, Inche Abdullah bin Haji Malus, Inche Panjang bin Lani, Inche Karim bin Haji Kahar, Inche Mohamed Zain bin Jaludin dan Inche Nor Said bin Mohamed Zain. Inche Kasim dan Inche Abdullah akan berlateh di-Maktab Pertanian di-Serdang sa-lama 17 bulan, manakala empat orang lagi akan berlateh di-Kuala Lumpur sa-lama 6 bulan.

## P.B.P. Maktab S.O.A.S. Menang

**KUALA BELAIT.** — Persatuan Bekas Penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah mengalahkan Klab Belia Seria dengan 3 gol berbalas satu dalam pertandingan bola sepak sa-chara persahabatan di-padang K.B.R.C., Kuala Belait pada malam Khamis yang lalu.

# SIARAN RADIO BRUNEI — BAH

Rancangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu dari Studio2 di-Bandar Brunei dan Kuala Belait mulai dari 16 hingga 26 May, adalah seperti di-bawah ini:

## RABU — 16 MAY, 1962 BANDAR BRUNEI

- Siaran Pagi**  
9.00 Selamat Sejahtera  
9.02 Hiboran pagi  
9.15 Aneka Ragam — oleh Othman Kamaruddin dan Abd. Wahab Muhammad
- 10.00 Lagu2 Tanpa Nyanyian  
10.15 Hiboran Penutup  
10.30 Rehat
- Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Hiboran  
12.45 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London (S.U.)
- 1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.15 Ruangan Apa Khabar—(S.U.)  
2.00 Rehat
- Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera  
7.02 Hiboran  
7.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London  
7.30 Pancharagam Tentera/Police  
7.45 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Cherita Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.  
9.00 Siaran Melayu Tammat
- KUALA BELAIT**  
**Siaran Pagi**  
11.30 Selamat Sejahtera  
11.32 Bunga Rampai Indonesia  
12.00 Studio Orkest  
12.30 Rehat
- Siaran Petang**  
4.30 Selamat Sejahtera  
4.32 Lagu2 Hiboran  
4.45 Latar Belakang — Rakaman BBC London  
5.00 Lagu2 Irama Joget  
5.30 Lagu2 Hiboran Rampaian  
6.00 Siaran Melayu Tammat

## KHAMIS — 17 MAY, 1962 BANDAR BRUNEI

- Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Lagu2 Nyanyian Hasnah Tahar  
12.45 Sain dan Perusaha'an—(S.U.)  
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian  
1.30 Majallah Radio — (S.U.)  
2.00 Rehat
- Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera  
7.02 Bacha'an Al-Koran  
7.15 Kursus Al-Koran — Oleh: Haji Khalidi  
7.30 Lagu2 yang berirama pelahan  
8.00 Sejarah Islam  
8.15 Lagu2 Melayu Asli  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Tafsir Al-Koran — Ustaz Salleh Hj. Abd. Majid  
9.00 Siaran Melayu Tammat
- KUALA BELAIT**  
**Siaran Pagi**  
11.30 Selamat Sejahtera  
11.32 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai: Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin  
12.00 Perkembangan Ilmu — Pengetahuan — (V.O.A.)  
12.15 Lagu2 Rampaian  
12.30 Rehat
- Siaran Petang**  
4.30 Selamat Sejahtera  
4.32 Lagu2 Melayu Asli  
4.45 Pelajaran Tinggi Di-Brtain Rakaman BBC London  
5.00 Permainan Hiboran Tempatan (S.U.)  
5.30 Lagu2 Padang Pasir  
5.45 Bachaan Ayat Suci Al-Koran. Di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohammad  
6.00 Siaran Melayu Tammat

## JUMA'AT — 18 MAY, 1962 BANDAR BRUNEI

- Siaran Pagi**  
9.00 Selamat Sejahtera  
9.02 Bacha'an Al-Koran  
9.15 Selingan  
9.30 Pelajaran Ugama Di-Udara  
9.45 Sharahan Ugama  
10.10 Hiboran  
10.15 Rengkas Berita  
10.20 Mengisi Masa  
10.30 Rehat
- Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Mimbar Islam — Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Selepas itu diikuti dengan lagu2 Masir.  
1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.45 Lagu2 Irama Pelahan  
2.00 Rehat
- Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera  
7.02 Dondang Sayang — (Radio Singapura)  
7.15 Sandiwar Radio — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohammad  
8.00 Lagu2 Perminta'an Sukaramai — Di-terbitkan Oleh: Dk. Intan  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Hiboran Akhir  
9.00 Siaran Melayu Tammat
- KUALA BELAIT**  
**Siaran Pagi**  
11.30 Selamat Sejahtera  
11.32 Hiboran  
11.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain  
12.00 Rancangan Ugama — Di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohammad  
12.30 Rehat
- Siaran Petang**  
4.30 Selamat Sejahtera  
4.32 Hiboran  
4.50 Majallah Sain dan Perusaha'an Rakaman BBC London  
5.00 Lagu2 Paduan Suara  
5.30 Aneka Lagu2 Melayu Instrumental — Di-terbitkan Oleh: Zainab Zainal Abidin  
5.45 Lagu2 Masri  
6.00 Siaran Tammat
- SABTU — 19 MAY, 1962  
BANDAR BRUNEI**  
**Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Hiboran  
12.45 Penyae'r dan Hasil Karya — (S.U.)  
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.15 Lagu2 Perminta'an Kaum Wanita Di-terbitkan Oleh: Othman Kamaruddin  
2.00 Rehat
- Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera  
7.02 Pilehan Juru Hebah  
7.15 Bahasa dan Kesusastera'an (S.U.)  
7.30 So'al-an Di-Udara — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd. Persembahan Yusoff B. Orkest Madah Pujangga — Di-terbitkan Oleh: Abu Bakar Ahmad  
8.15 Selingan  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Cherita Seram — S.U.  
9.00 Siaran Melayu Tammat
- KUALA BELAIT**  
**Siaran Pagi**  
11.30 Selamat Sejahtera  
11.32 Hiboran Rampaian  
11.50 Majallah Sain dan Perusaha'an Rakaman BBC London  
12.00 Hiboran Irama Ranchak  
12.30 Rehat
- Siaran Petang**  
4.30 Selamat Sejahtera  
4.32 Hidangan Aneka Seni Irama  
4.45 Majallah Melalui Udara Rakaman V.O.A.  
5.00 Studio Hiboran  
5.30 Hidangan Lagu2 Perminta'an Sukaramai  
6.00 Siaran Melayu Tammat

## AHAD — 20 MAY, 1962 BANDAR BRUNEI

- Siaran Pagi**  
9.00 Selamat Sejahtera  
9.02 Senandong Pagi  
9.15 Ruangan Masak2kan  
9.30 Ruangan Apa Khabar — Di-terbitkan Oleh: Adnan Hj. Hassan  
10.15 Rengkas Berita  
10.20 Suntingan Rancangan Mingguan  
10.30 Rehat
- Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Hiboran Rampaian  
12.45 Tinjauan Di-Pasar — Di-terbitkan Oleh: Othman Kamaruddin  
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.15 Asohan Wanita  
1.30 Hiboran Dari Studio (Pancharagam Tempatan)  
2.00 Rehat
- Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera  
7.02 Hiboran  
7.15 Majallah Radio — Di-terbitkan Oleh: Othman Kamaruddin  
7.45 Hiboran Tanpa Nyanyian  
8.00 Meninjau Sambil Lalu — (S.U.)  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Hiboran  
9.00 Siaran Melayu Tammat
- KUALA BELAIT**  
**Siaran Pagi**  
11.30 Selamat Sejahtera  
11.32 Aneka Lagu2 Irama Lautan Tedoh Oleh: Pgn. Mohd.  
11.45 Simposium Di-Udara — (BBCTS London)  
12.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh: Zainab Zainal Abidin  
12.30 Rehat
- Siaran Petang**  
4.30 Selamat Sejahtera  
4.32 Hiboran Dari Filem  
5.00 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London  
5.15 Irama Amerika Selatan  
5.30 Senandong Lagu Ku — Oleh: Zainab Zainal Abidin  
6.00 Siaran Melayu Tammat
- ITHNIN — 21 MAY, 1962  
BANDAR BRUNEI**  
**Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Lagu Nyanyian Jamaliah Shariff  
12.45 Latar Belakang — Rakaman BBC London  
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.15 Hiboran  
1.30 Cherita Pendek — (S.U.)  
1.45 Pilehan Juru Hebah  
2.00 Rehat
- Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera  
7.02 Lagu2 Hamzah Doimat  
7.15 Penyae'r dan Hasil Keria — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohammad  
7.30 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Di-sampaikan Oleh: Dayangku Mariam  
8.15 Majallah Sain dan Perusaha'an Rakaman BBC London  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Hiboran Malam  
9.00 Siaran Melayu Tammat
- KUALA BELAIT**  
**Siaran Pagi**  
11.30 Selamat Sejahtera  
11.32 Lagu2 Bunga Rampaian  
11.50 Hiboran Rampaian  
12.00 Laporan Suara Amerika — Rakaman V.O.A.  
12.15 Hiboran Accordion — Kudian Oleh Pgn. Mohd.  
12.30 Rehat
- Siaran Petang**  
4.30 Selamat Sejahtera  
4.32 Lagu2 Irama Langgam — Hidangan Juru Hebah

- 4.45 Lagu2 Rampaian  
5.00 Lagu2 Rampaian  
5.15 Tablo Di-Udara — Dua Minggu sekali di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohd.  
5.30 Irama Instrumental Lautan Tedoh  
5.45 Hiboran Rampaian  
6.00 Siaran Melayu Tammat

## THALATHA — 22 MAY, 1962 BANDAR BRUNEI

- Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Lagu2 Nyanyian Zainal Alam  
12.45 Laporan Pandangan Mata — (V.O.A.)  
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.15 Lagu2 Amerika Selatan  
1.30 Asohan Wanita — (S.U.)  
1.45 Hiboran Penutup  
2.00 Rehat
- Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera  
7.02 Lagu2 Hiboran  
7.15 Meninjau Sambil Lalu — Di-terbitkan Oleh: Dk. Intan  
7.45 Rancangan Khas Radio — Di-terbitkan Oleh: Abu Bakar Ahmad  
8.15 Pantang Larang Orang Tua2 — Dahulu — Di-terbitkan Oleh: Abu Bakar Ahmad  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Hiboran Malam  
9.00 Siaran Melayu Tammat
- KUALA BELAIT**  
**Siaran Pagi**  
11.30 Selamat Sejahtera  
11.32 Lagu2 Hiboran  
11.45 Permainan Hiboran Tempatan Oleh: Zainab Zainal Abidin  
12.15 Lagu2 Hiboran  
12.30 Rehat
- Siaran Petang**  
4.30 Selamat Sejahtera  
4.32 Laporan Suara Amerika — (S.U.) Rakaman V.O.A.  
4.45 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Di-sampaikan Oleh: Pgn. Mohd.  
5.30 Latar Belakang — Rakaman BBC London  
5.45 Buian Alam — Oleh: Zainab Zainal Abidin  
6.00 Siaran Melayu Tammat
- RABU — 23 MAY, 1962  
BANDAR BRUNEI**  
**Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Hiboran Tengah Hari  
12.45 Majallah Melalui Udara — (V.O.A.)  
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.15 Ruangan Apa Khabar — (S.U.)  
2.00 Rehat
- Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera  
7.02 Lagu2 Hiboran  
7.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London  
7.30 Pancharagam Tentera/Police  
7.45 Lagu2 Perminta'an Sukaramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Cherita Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.  
9.00 Siaran Melayu Tammat
- KUALA BELAIT**  
**Siaran Pagi**  
11.30 Selamat Sejahtera  
11.32 Lagu2 Bunga Rampaian Indonesia  
12.00 Latar Belakang — (S.U.) Rakaman BBC London  
12.15 Lagu2 Rampaian  
12.30 Rehat
- Siaran Petang**  
4.30 Selamat Sejahtera  
4.32 Pilehan Hiboran Saya — Para Pendengar Pengirim Lagu2 Kegemaran Nya — dan Di-siarkan Oleh: Pgn. Mohd.  
5.00 Perkembangan Ilmu Pengetahuan Rakaman V.O.A.  
5.15 Ruangan Cherita Pendek — (S.U.)

# HAGIAN MELAYU

## PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI 1962

- 5.30 Irama Aneka Senandung — Oleh: Zainab Zainal Abidin
- 6.00 Siaran Melayu Tammat

**KHAMIS — 24 MAY, 1962  
BANDAR BRUNEI**

**Siaran Tengah Hari**

- 12.30 Selamat Sejahtera
- 12.32 Lagu2 Nyanyian Doli
- 12.45 Science dan Perusahaan — (S.U.)

- 1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

- 1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
- 1.30 Majallah Radio — (S.U.)

**2.00 Rehat**

**Siaran Malam**

- 7.00 Selamat Sejahtera
- 7.02 Bacha'an Al-Koran
- 7.15 Kursus Al-Koran — Di-sampaikan Oleh: Hj. Khalidi

- 7.30 Lagu2 Irama Pelahan
- 7.45 Madah Pujangga (S.U.)

**8.00 Sejarah Islam**

- 8.15 Lagu2 Melayu Asli
- 8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

- 8.45 Tafsir Al-Koran — Oleh: Ustaz Salleh bin Hj. Abd. Majid

**9.00 Siaran Melayu Tammat  
KUALA BELAIT**

**Siaran Pagi**

- 9.00 Selamat Sejahtera
- 9.02 Lagu2 Permintaan Suka-Ramai — Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin.

- 12.00 Perkembangan Ilmu Pengetahuan Rakaman V.O.A.

**12.15 Hiboran**

**12.30 Rehat**

**Siaran Petang**

- 4.30 Selamat Sejahtera
- 4.32 Lagu2 Melayu Asli
- 4.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain Rakaman BBC London

- 5.00 Permainan Hiboran Tempatan — (S.U.)

- 5.30 Lagu2 Padang Pasir
- 5.45 Bacha'an Ayat Suci Al-Koran

**6.00 Siaran Melayu Tammat  
JUMA'AT — 25 MAY, 1962  
BANDAR BRUNEI**

**Siaran Pagi**

- 9.00 Selamat Sejahtera
- 9.02 Bacha'an Al-Koran
- 9.15 Selingan

- 9.45 Pelajaran Agama Di-Udara — Di-sampaikan Oleh: Ustaz Salleh bin Hj. Abd. Majid

**9.45 Sharahan Agama**

**10.00 Hiboran**

**10.15 Rengkas Berita**

**10.20 Mengisi Masa**

**10.30 Rehat**

**Siaran Tengah Hari**

- 12.30 Selamat Sejahtera
- 12.32 Mimbar Islam — Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Selepas itu diikuti dengan lagu2 Masir.

- 1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

- 1.45 Lagu2 Irama Pelahan

**2.00 Rehat**

**Siaran Malam**

- 7.00 Selamat Sejahtera
- 7.02 Hiboran Pembukaan (Radio Singapura)
- 7.15 Sandiwara Radio — (S.U.)

- 8.00 Lagu2 Permintaan Suka-Ramai — Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan

- 8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

**8.45 Hiboran Akhir**

**9.00 Siaran Melayu Tammat  
KUALA BELAIT**

**Siaran Pagi**

- 11.30 Selamat Sejahtera
- 11.32 Lagu2 Hiboran
- 11.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain (S.U.)

- 12.00 Rancangan Agama — Di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohd.

**12.32 Rehat**

**Siaran Petang**

- 4.30 Selamat Sejahtera

- 4.32 Hiboran Rampaian
- 4.30 Majallah Sain Dan Perutaha'an Rakaman BBC London
- 5.45 Lagu2 Masir
- 5.00 Lagu2 Paduan Suara
- 5.30 Aneka Lagu2 Melayu Instrumental
- 5.45 Lagu2 Masir
- 6.00 Siaran Melayu Tammat

**SABTU — 26 MAY, 1962  
BANDAR BRUNEI**

**Siaran Tengah Hari**

- 12.30 Selamat Sejahtera
- 12.32 Hiboran
- 12.45 Penya'er dan Hasil Karya — (S.U.)

- 1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

**1.15 Selingan**

- 1.30 Lidah Pengarang—Di-Terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohammad

- 1.45 Hiboran Penutup

**2.00 Rehat**

**Siaran Malam**

- 7.00 Selamat Sejahtera
- 7.01 Pilihan Juru Hebah
- 7.15 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London

- 7.30 Kamusilan Tuan2 — Di-terbitkan Oleh Abd. Wahab Mohd.

- 7.45 Persembahan Pancha Irama Orkest

- 8.00 Orkest Kronchong Asli Studio — Surakarta

- 8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

- 8.45 Hiboran Malam Ahad
- 9.00 Siaran Melayu Tammat

**KUALA BELAIT**

**Siaran Pagi**

- 11.30 Selamat Sejahtera
- 11.32 Hiboran Rengan dan Gembira
- 11.50 Majallah Sain dan Perutaha'an Rakaman BBC London

- 12.00 Lagu2 Permintaan Sukaramai — Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin

**12.30 Rehat**

**Siaran Petang**

- 4.30 Selamat Sejahtera
- 4.32 Suntingan Lagu2 Sumatra
- 4.45 Tetamu Kita — Para Pendengar Di-Jemput ka-Studio untuk Memilih lagu2 Kegemarannya Diterbitkan Oleh: Zainab Zainal Abidin

- 5.15 Simposium Di-Udara — Rakaman BBC London

- 5.30 Hidangan Aneka Senandung—Oleh: Pgn. Mohd.

**6.00 Siaran Melayu Tammat**



Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman, Setia Usaha Kerajaan Brunei kelihatan dalam gambar ini menyampaikan hadiah kepada Dayangku Iring binti Pengiran Mohamed Said dari Kuala Belait yang telah menjadi johan bahagian wanita dalam pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1962.



M.S. Bakri dari Daerah Brunei kelihatan dengan gembira memegang "Oscar" dan sa-buah piala perak yang telah di-hadiahkan kepada-nya sebagai johan bahagian lelaki dalam pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1962.



Satu pemandangan orang ramai yang menyaksikan pertandingan akhir Bintang Radio Brunei Tahun 1962 yang telah di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada malam 29 April yang lalu.



Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Heji Abdul Rehim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Brunei kelihatan memberi ucapan di-majlis pertandingan akhir Bintang Radio Brunei Tahun 1962. Keputusan menang pertandingan menyanyi itu telah di-siar-kan dalam PELITA BRUNEI pada 2 May yang lalu.

# Penerangan Mengenai Perkhidmatan Perubatan di-Negeri Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — Pada beberapa bulan yang lalu terdapat tegoran<sup>2</sup> mengenai perkhidmatan perubatan dan kekurangan doktor di-Negeri Brunei.

Berhubung dengan tegoran tersebut kita siarkan di-muka ini penerangan mengenai perkhidmatan perubatan di-negeri ini untuk pengetahuan orang ramai.

Sabener-nya dalam tahun 1961 bilangan doktor<sup>2</sup> yang berkhidmat dengan Kerajaan Brunei pada tiap<sup>2</sup> bulan, di-pukul rata ada-lah dua kali ganda jika di-bandingkan dalam tahun 1957.

Dalam tahun 1961, sa-ramai 11 orang doktor termasuk dua orang pegawai pinjaman dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah berkhidmat dengan Kerajaan Brunei, ia-itu pada masa penyakit ta'un mengancam negeri ini.

Pada masa sekarang sa-ramai 12 orang doktor ada-lah berkhidmat di-negeri ini. Doktor<sup>2</sup> itu ada-lah mengandungi 8 orang yang bekerja dengan Kerajaan Brunei dan 4 orang lagi yang tidak bekerja dengan Kerajaan Brunei.

Jika di-pukul rata, tiap<sup>2</sup> orang doktor tersebut ada-lah melayan sa-ramai 7,000 orang penduduk ini. Menurut banchi yang telah di-jalankan dalam tahun 1960 penduduk Negeri Brunei berjumlah sa-ramai 83,877 orang dan luas negeri ini ia-lah 2,226 persegi batu.

Doktor<sup>2</sup> yang berkhidmat dengan Kerajaan Brunei pada masa ini di-Rumah Sakit Besar di-Bandar Brunei ia-lah 6 orang, ia-itu termasuk Pegawai Perubahan Negara dan 2 orang lagi doktor berkhidmat di-Rumah Sakit, Kuala Belait.

Menurut perbandingan, bilangan orang ramai yang di-layan oleh sa-saorang doktor dari Buku Tahunan Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia terdapat bahawa Brunei mempunyai doktor yang lebih banyak daripada jumlah doktor di-beberapa buah negeri dalam dunia ini, seperti berikut:

Di-Malaya tiap<sup>2</sup> orang doktor melayan sa-ramai 7,300 orang.

Di-Republik Ra'ayat China tiap<sup>2</sup> orang doktor melayan 8,700 orang.

Di-Kenya tiap<sup>2</sup> orang doktor melayan 10,000 orang.

Di-Pakistan tiap<sup>2</sup> orang doktor melayan 22,000 orang.

Di-Negeri Arab tiap<sup>2</sup> orang doktor melayan 24,000 orang..

Di-Ghana tiap<sup>2</sup> orang doktor melayan 25,000 orang.

Di-Burma tiap<sup>2</sup> orang doktor melayan 29,000 orang.

Di-Nigeria tiap<sup>2</sup> orang doktor melayan 35,000 orang.

Di-Afghanistan pula tiap<sup>2</sup> orang doktor melayan 58,000 orang.

Dunia umom-nya ada-lah kekurangan doktor. Akan tetapi, sungguh pun Brunei memiliki tempat yang sesuai dalam segi bilangan doktor jika di-banding-

kan dengan lain<sup>2</sup> negeri, namun begitu Kerajaan Brunei terus bersedia memperbaiki kemudahan<sup>2</sup> perubatan dan beberapa orang doktor lagi di-kehendaki untuk berkhidmat dengan Kerajaan negeri ini.

Sa-belum menjelang tahun ini, jawatan<sup>2</sup> pakar perubatan belum dapat di-perolehi.

Akan tetapi dalam tahun ini empat jawatan pakar perubatan telah pun di-sediakan oleh Kerajaan. Jawatan<sup>2</sup> itu ia-lah "Ophthalmologist Physician, Obstrecian — Gynaecologist dan Surgeon". Pakar<sup>2</sup> Ophthalmologist dan Physician sudah pun tiba di-Negeri Brunei dan sekarang ini sedang berkhidmat dengan Jabatan Perubatan.

Sekarang Kerajaan Brunei sedang berusaha untuk memenohkan dua lagi jawatan pakar<sup>2</sup> perubatan.

Pekerjaan membedah sekarang ini sedang di-usahakan oleh doktor<sup>2</sup> seperti mana yang pernah di-lakukan semenjak beberapa tahun yang lalu.

Apabila mustahak, pembejlan dari Rumah Sakit Sharikat Minyak Shell di-Kuala Belait sentia-

sa bersedia memberi pertolongan.

Sementara itu terdapat juga di-dalam akhbar<sup>2</sup> yang menyatakan bahawa bekalan ubat di-negeri ini ada-lah kekurangan. Akan tetapi Pegawai Perubatan Negara Brunei, Doktor Abdul Wahab Ariff hingga ka-sa'at membuat berita ini, tidak menerima sa-barang aduan dari orang<sup>2</sup> sakit yang menerima rawatan di-ru-mah<sup>2</sup> sakit di-negeri ini mengenai penyakit yang mereka hidapi.

Menurut keterangan Pegawai Perubatan Negara Brunei bekas perubatan yang di-untokkan bagi tahun 1962 telah pun di-tambah untuk menyamakan langkah yang kian bertambah bagi kemudahan perkhidmatan perubatan di-negeri ini.

Maka dengan hal yang sademikian, jelas-lah sekarang bahawa perkhidmatan<sup>2</sup> yang di-perolehi di-Negeri Brunei kian bertambah dan baik dari sa-tahun ka-sata-hun.

Penduduk<sup>2</sup> di-negeri ini dapat-lah meyakinkan bahawa Kerajaan Brunei berusaha dengan sa-sungguh<sup>2</sup>-nya dalam perkara menambah dan memelihara perkhidmatan<sup>2</sup> untuk memperbaiki dan kebajikan ra'ayat di-seluruh negeri ini.

## PELAWAT2 KA-BRUNEI

### Dari Australia

**BANDAR BRUNEI.** — Pengarah Surohanjaya Siaran Radio Australia di-Melbourne, Inche P.W.R. Homfray telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Jesselton pada 2 May, 1962 dalam bidang lawatan-nya ka-14 buah negara di-Asia Tenggara.

### Dari Singapura

**BERAKAS.** — Satu rombongan sa-ramai 10 orang terdiri dari 8 orang pensharah University Singapura dan dua orang anggota Radio Singapura Bahagian siaran ka-Sekolah<sup>2</sup> telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang pada tengah hari Ithnin yang lalu.

Mereka telah tiba di-sini atas undangan Sharikat Minyak Brunei Shell untuk melawat ka-padang minyak Seria.

### Dari Hong Kong

**BANDAR BRUNEI.** — Puan lentine Pope, Pegawai Perhubungan Raya perharikatan kapal terbang Cathay Pacific Airways dari Hong Kong telah melawat ka-Brunei baharu<sup>2</sup> ini.

Sa-masa berada di-sini Inche R.D. Ross, Penguasa, Borneo Company Limited, Brunei telah meraikan-nya di-satu majlis jamuan. Di-antara para jemputan yang hadir di-majlis jamuan itu ialah Yang Berhormat Raja Azam, Setia Usaha Kerajaan Brunei; Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusof, Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan lain<sup>2</sup>-nya.

## "PEMUDA PEMUDI HARAPAN BANGSA DAN TONGGAK NEGARA"—KATA AWANGKU YUSOF

**SUNGAI LIANG.** — "Tugas terpenting bagi pemuda pemudi di-zaman pembangunan ini ada-lah untuk mengisikan kekosongan<sup>2</sup> yang di-kehendaki oleh masyarakat. Keadaan atau nasib masyarakat pada masa akan datang dapat-lah di-lihat dari keadaan atau gerak geri pemuda pemudi-nya pada hari ini". Demikian kata Awangku Mohamed Yusof, Pengelola, Rancangan Pemuda, Daerah Belait di-majlis pembukaan rasmi Persatuan Ikatan Pemuda Pemudi Sungai Liang baharu<sup>2</sup> ini.

Dalam ucapan-nya itu, Awangku Mohamed Yusof menegaskan bahawa kekayaan jiwa pemuda pemudi itu hanya akan dapat di-timbulkan oleh perasaan<sup>2</sup> yang mengenal rasa tanggung jawab yang terpanchar dari sifat<sup>2</sup> yang menghargai segala sesuatu yang indah dan jujur.

Maka dengan hal yang sademikian, kata-nya, tugas pemuda

pemudi pada hari ini tersimpol dari beberapa perkara yang tertentu. Chita<sup>2</sup> itu hanya akan dapat di-chapai oleh pemuda pemudi yang berhemah tinggi, bersemangat waja, mempunyai badan yang sehat dan berpendidikan yang sempurna.

"Untuk menchapai kata sepatat bagi melaksanakan tugas<sup>2</sup> pemuda pemudi itu, kita, pemuda pemudi harus pula membuat pe-

rundingan, perkiraan atau perhitungan dan bersatu dalam badan<sup>2</sup> sukarela, umpamanya, Kelab<sup>2</sup> atau Persatuan Pemuda Pemudi. Kesedaran dan keinsafan akan mendatang sendiri<sup>2</sup> sa-telah pemuda pemudi pada hari ini bergiat dilapaingan masing<sup>2</sup> untuk memajukan diri sendiri dan masyarakat.

"Kita, pemuda pemudi, adalah anggota masyarakat yang terdiri dari beraneka ragam, berlainan<sup>2</sup> pendapat dan fahaman dan seumpamanya. Tugas pemuda pemudi untuk masyarakat, bukan-lah untuk melepaskan kata<sup>2</sup> nesti yang bukan<sup>2</sup>. Melainkan memberikan kerjasama, menunjok ka-arah jalan kekelamatan dan kemajuan masyarakat pada masa akan datang. Jalan yang sa-baik<sup>2</sup>-nya biar-lah pemuda pemudi itu membanyakkan perbuatan yang berkebajikan dari membanyakkan kata<sup>2</sup> yang tidak berfaedah dalam mengamalkan tugas terhadap masyarakat.

"Bersatu dalam menghadapi kerunchingan atau kepenchangan pemuda pemudi dan masyarakat, ini ada-lah satu<sup>2</sup>-nya tugas terpenting pemuda pemudi pada hari ini. Lambangkan-lah bahawa "pemuda pemudi harapan bangsa dan tonggak negara". — kata Awangku Mohamed Yusof.



Satu pemandangan para hadirin di-majlis pembukaan rasmi Persatuan Ikatan Pemuda Pemudi Sungai Liang baharu<sup>2</sup> ini.

# PENGUMUMAN MARKAS ANGKATAN TENTERA BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.** — Markas Angkatan Tentera Brunei akan menjalankan satu lagi usaha pengambilan orang2 baru bagi Askar Melayu Brunei, ia-itu rombongan yang kelima seramai 100 orang. Pengambilan orang2 baru itu akan di-adakan mulai dari hari Ithnin 21 May hingga ka-hari Rabu 30 May, 1962.

Sa-orang pemohon mesti-lah yang di-lahirkan dalam Negeri Brunei dan biasa-nya di-terima sa-bagai salah satu puak jati bangsa Melayu seperti Belait, Bisayah, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

Jika sa-saorang pemohon bukan bangsa Melayu jati, ia hendak-lah beragama Islam mengikut adat istiadat Melayu sa-bagaimana yang di-amalkan dalam Negeri Brunei dan ia-nya sa-orang ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei dan kuat kuasa sabarang un-

dang2 bertulis mengenai kera-ayatan.

Kelayakan dan kelulusan bagi pemohon2 ada-lah saperti di-bawah ini :

Tinggi — sekurang2-nya 5 kaki 1 inchi. Berat badan — sekurang2-nya 100 pound. Uko-ran dada — 30 inchi meningkat kepada 32 inchi bila menarek nafas. Pelajaran — lulus Darjah Empat Sekolah Melayu atau Primary Enam Sekolah Inggeris



Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Brunei kelihatan dalam gambar ini memberi ucapan kepada anggota2 Askar Melayu Brunei di-Port Dickson pada masa lawatan beliau dan beberapa orang Pegawai Kanan Kerajaan Brunei ke-sana dalam bulan April yang lalu.

atau lain2 sekolah. Surat akuan daripada Guru Besar atau pun Pegawai Pelajaran Negara adal-ah di-kehendaki. Umor — sa-orang pemohon mesti-lah telah

menchapai 17½ tahun hingga 25 tahun pada masa ia masok berkhidmat.

Pemohon2 akan di-interbiu dan menjalani peperiksaan doktor pada tempat2 dan tarikh2 yang di-bawah ini :

Pada 21 hingga 25 May, 1962 di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin bagi pemohon2 dari Bandar Brunei, Kampong Ayer dan kawasan2 yang berdekatan dengan Bandar Brunei.

Pada 26 hingga 28 May, 1962 di-Pusat Penerangan, Tutong atau di-tempat lain yang sesuai bagi pemohon2 dari Tutong dan kawasan2 yang berdekatan.

Pada 29 dan 30 May, 1962 di-Pusat Penerangan Kuala Belait, Seria dan kawasan2 yang berdekatan.

Borang2 permohonan boleh-lah di-dapati daripada Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-Bandar Brunei, di-Bilek2 Bachaan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan di-Bandar Brunei, Kuala Belait, Tutong dan Temburong ; di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Bandar Brunei dan Kuala Belait serta di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei.

Sa-belum pengambilan orang2 baru bagi Pasokan Askar Melayu Brunei ini di-jalankan, maka satu kempen penerangan pengambilan orang2 baru akan di-adakan mulai dari hari ini hingga ka-hari Ahad 20 May, 1962, pada tempat dan tarikh yang saperti berikut :

16 dan 17 May di-Bandar Brunei dan kawasan2 yang berdekatan termasuk Kampong Ayer.

18 May di-Tutong dan kawasan2 yang berdekatan.

19 May di-Kuala Belait dan Seria.

Beberapa orang Pegawai akan turut serta dalam masa gerakan tersebut. Pegawai2 itu ia-lah sa-orang Pegawai Pengambilan Orang2 Baru, 5 orang Askar2 yang terlatah, 3 orang kakitangan pengambilan orang2 baru dan 2 orang Pegawai dari Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Kerajaan Brunei.

Tugas dan kewajipan mereka ia-lah memberi penerangan dan panduan kepada pemuda2 di-bandar2 dan kampong2 yang ingin berkhidmat dalam Pasokan Askar Melayu Brunei.

## JAWATAN KOSONG:

### INSPEKTOR KESIHATAN

**BANDAR BRUNEI.** — Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Sultan Brunei yang berumur 18 hingga 25 tahun yang mempunyai badan yang tegap bagi jawatan Inspektor Kesihatan Perchubaaan, di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Chalun2 mesti-lah lulus Peperiksaan School Certificate dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris, Ilmu sains atau General Science. Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang boleh menulis dan bertutor dalam bahasa Melayu.

Tingkatan gaji ia-lah : D(b) 3-4 \$240-250-260-280.

Pemohon2 yang berjaya akan di-lantek sa-chara perchubaaan sa-lama tiga tahun dan mesti-lah mendapatkan Sijil Royal Society bagi memajukan kesihatan sa-belum tamat tempoh perchubaaan itu.

Satu kursus pelajaran akan di-atorkan bagi pelatah2 sama ada di-Singapura atau di-Persekutuan Tanah Melayu untuk membolehkan mereka mendapatkan sijil

tersebut. Bayaran2 sekolah dan peperiksaan akan di-bayar oleh Kerajaan.

Pelatah2 yang mengambil kursus latehan ini akan di-beri tempat kediaman perchuma atau pun alaon2 sara hidup dan perjalanan mengikut kadar yang di-benarkan oleh Kerajaan dari sa-masa ka-sa-masa.

Pelatah2 yang gagal memperolehi sijil Royal Society bagi memajukan kesihatan buat kali yang pertama mungkin di-benarkan mengambil kursus itu buat kali yang kedua. Kelebehan ini akan di-benarkan untuk sa-lama satu kali atau lebeh mengikut sokongan dari Ketua Pejabat mereka.

Permohonan2 mesti-lah di-tulis di-atas borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei dan mesti-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei tidak lewat pada 31 May hadapan.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui ketua2 pejabat masing2. Ketua2 pejabat itu akan menghantar laporan2 sa-chara sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 satu chatatan perkhidmatan yang lengkap.

**SAMBUTAN HARI  
JADI BAGINDA  
QUEEN**

**BANDAR BRUNEI.** — Satu upacara perbarisan untuk menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth Yang Kedua akan di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 2 June, 1962.

Pasokan2 yang akan mengambil bahagian dalam upacara perbarisan tersebut ia-lah Pasokan Pulis Brunei, Pengakap Rover, Pengakap, Pandu Puteri, Palang Merah, Kastam Diraja dan Jabatan Laut.

## JAWATAN KOSONG:

### TELEPHONE OPERATOR

**BANDAR BRUNEI.** — Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Sultan atau yang berhak untuk di-daftarkan menjadi ra'ayat Sultan Brunei yang berumur 16 hingga 25 tahun bagi jawatan2 Telephone Operator di-Jabatan Perubatan Brunei.

Kelayakan2 bagi chalun2 yang memohon jawatan tersebut: mesti-lah lulus darjah IV dalam Sekolah Melayu dan Form II dalam Sekolah Inggeris.

Tingkatan gaji ia-lah \$183x7-211x10-260-280-290-300.

Chalun yang berjaya akan bekerja siang atau malam di-Rumah Sakit Besar, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-tulis di-atas borang yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei dan mesti-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat pada 31 May hadapan.

Permohonan daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui ketua2 pejabat masing2. Ketua2 Pejabat itu

akan menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 satu "chatatan perkhidmatan" yang lengkap.

## Lawatan Badan Penerangan U. I.

**BANDAR BRUNEI.** — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam, Negeri Brunei akan melatah ka-Kampong Limau Manis untuk memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam pada hari Jumaat 18 May mulai dari pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari.

Pada hari Juma'at 25 May, satu rombongan anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam, Negeri

Brunei akan melatah ka-Kampong Saba Darat dan memberi sharahan ugama dari pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 4.30 petang.

Lagi satu rombongan anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam tersebut pula akan melatah ka-kampong perpindahan di-Berakas dan memberi sharahan ugama pada hari Jumaat 25 May mulai dari pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 4.30 petang.

**RIKERUT2 ASKAR MELAYU BRUNEI:****BALEK DARI MALAYA TEMASHA2 SAMBUTAN DI-BRUNEI**

BANDAR BRUNEI. — Tidak kurang dari 5,000 orang telah menguchapkan "selamat balek ka-Tanah Ayer" kepada 259 orang rikerut dari pasokan2 yang ke-dua dan ke-tiga Askar Melayu Brunei pada masa mereka tiba di-sini dari Persekutuan Tanah Melayu pada petang hari Thalatha yang lalu untuk menyempurnakan kelepaan. Rikerut2 Askar Melayu Brunei itu ada-lah di-ketuai oleh Kapitan Abdul Rahman bin Haji Lassim. Tiga orang lagi pegawai pasokan tersebut yang datang ka-Brunei ia-lah Sarjan Major Mohamed Dom, Sarjan Baharom dan Sarjan Ariffin.

Semua-nya itu telah berangkat dari Seremban ka-Singapura dengan kereta api pada 10 May. Mereka telah belayar dari Singapura ka-Labuan dengan kapal "Keningau" pada 11 May dan tiba di-Labuan pada pukul 6.30 pagi hari Thalatha 15 May.

Pengiran Syed Shahminan dan Yang Berhormat Inche Abdul Manan telah menyambut ketibaan para perajurit tersebut di-Labuan.

Pegawai2 dan rikerut2 Askar Melayu Brunei tersebut telah belayar dari Labuan ka-Brunei tiga jam kemudian dengan menaiki enam buah kapal Kerajaan Bru-

**Pasokan Pengambilan Rikerut2 A.M.B. Tiba**

BERAKAS. — Pasokan pengambilan rikerut2 baharu untuk Askar Melayu Brunei, di-ketuai oleh Kapitan Syed Alwee, telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang pada tengah hari Ahad yang lalu.

Anggota2 pasokan tersebut ia-lah Kopral Abdul Latiff, Lance Kopral Awangku Momin, Lance Kopral Bakar, Lance Kopral Samad, Lance Kopral Kamis dan Lance Kopral Mohamed Dom.

Pengiran Syed Shahminan dan Inche Paul Carson dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Brunei telah menyambut mereka di-lapangan terbang Berakas pada masa mereka tiba dari Persekutuan Tanah Melayu.

nei, ia-itu Bolkihah, Sultan, Pretty, Lela Menchanai, Nakhoda Manis serta Sindaun dan tiba di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei pada pukul 1.15 petang.

Para perajurit tersebut akan balek ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 11 June, 1962 untuk meneruskan latihan masing2 di-Perkhemahan Seginting.

**KEJAYAAN ASKAR MELAYU BRUNEI**

PORT DICKSON. — Satu upacara tamat latihan rikerut tentera telah di-adakan di-Pusat Latihan Tentera di-Port Dickson pada 5 May, 1962.

Pasokan pertama rikerut Brunei telah berjaya memenangi gelaran sa-bagai pasokan tentera yang terbaik sa-kali.

Sa-lain dari itu satu squad rikerut dari Askar Melayu Brunei yang baharu di-tubuhkan telah memenangi piala squad yang terbaik sa-kali.

**PASAR GEMBIRA DI-SERIA**

SERIA. — Klub Belia Seria akan mengadakan satu temasha Pasar Gembira di-bangunan persekutuan itu di-Lorong 3, Seria pada hari Ahad 20 May, 1962, mulai dari pukul 10 pagi hingga ka-pukul 6 petang.

Inche H.M. Salleh, Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Brunei di-jangka akan membuka temasha itu dengan rasmi-nya

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama (PAPP) akan mengadakan Malam Anika Warna di-dewan Partai Ra'ayat, Chabang Pekan Brunei pada malam 18 May untuk mera'ikan pemuda2 dari Kampong Sultan Lama dan lain2-nya yang menjadi rikerut dalam Askar Melayu Brunei.

Berbagai2 achara akan di-adakan di-temasha itu. Di-antara-nya ia-lah drama satu babak bertajok, "SULTAN MAHMUD MANGKAT DI-JULANG", tarian2, nyanyian2 dan lawak jenaka.

Pada petang hari tersebut PAPP akan mengadakan satu majlis jamuan untuk meraikan pemuda2 dari Kampong Sultan Lama yang menjadi rikerut dalam Askar Melayu Brunei.

Pada malam 19 May satu temasha Malam Anika Warna untuk meraikan semua rikerut dari Askar Melayu Brunei tersebut akan di-adakan di-sabua pentas di-padang besar Bandar Brunei.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha itu ia-lah sa-buah drama bertajok, "HANG JEBAT MENDER-HAKA", tablo, nyanyian2 oleh biduan2 dan biduanita2 yang berjaya dalam pertandingan2 Bintang Radio Brunei, tarian2 asli dan moden, serta lawak jenaka oleh Awangku Asmalee dan Inche Mahmud Bakir — dua orang "Raja2 Kelakar" yang terkenal di-sini.

**MALAM GEMBIRA**

Pada malam 24 May pula, Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) yang telah di-tubuhkan baharu2 ini oleh pemuda2 yang tinggal di-Kampong2 Bakut Siraja Muda "A" dan "B" serta Kampong Bakut Berumpit, akan mengadakan Malam Gembira untuk meraikan pemuda2 dari kampong2 tersebut yang menjadi rikerut2 dalam Askar Melayu Brunei.

Sementara itu satu meshuarat untuk membincangkan perkara2 mengenai sambutan terhadap rikerut2 Askar Melayu Brunei dari Daerah Belait yang telah balek ka-Tanah Ayer untuk menyempurnakan kelepaan akan di-adakan di-Kuala Belait Recreation Club, Kuala Belait pada pukul 4 petang hari ini.



Gambar ramai biduan2 dan biduanita2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan akhir Bintang Radio Brunei 1962 yang telah di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada malam 29 April yang lalu. Dalam gambar ini juga kelihatan ahli2 pasokan pancharegam yang bermain di-temasha itu, beberapa orang anggota Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Brunei serta pengadil2 pertandingan itu.